

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 18**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan bagi mengurangkan jurang pendapatan antara negeri seperti yang termaktub dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019 merupakan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan.
2. Objektif kedua WKB, iaitu Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan memberi fokus kepada usaha menangani jurang ekonomi antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan untuk membela dan meningkatkan keupayaan semua rakyat supaya tiada yang ketinggalan.

## **SOALAN NO : 18**

3. Dalam konteks jurang antara wilayah, Kerajaan menyedari bahawa jurang pengagihan ekonomi antara wilayah turut berkembang, di mana sebahagian besar sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara tertumpu di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur dan Selangor. Pada tahun 2018, WP Kuala Lumpur dan Selangor telah menyumbang hampir 40% kepada KDNK negara berbanding lima negeri, iaitu Kelantan (1.8%), Kedah (3.3%), Pahang (4.1%), Sarawak (9.7%) dan Sabah (6.2%). Sementara itu, jurang pendapatan purata bulanan isi rumah di WP Kuala Lumpur dan Selangor pula didapati lebih tinggi berbanding lima negeri berkenaan. Pada tahun 2016, lima negeri ini merekodkan pendapatan purata bulanan isi rumah terendah di Malaysia, iaitu kurang daripada RM5,500 berbanding WP Kuala Lumpur (RM11,692) dan Selangor (RM9,463). Justeru, pemusatan pembangunan ekonomi yang tertumpu di WP Kuala Lumpur dan Selangor telah melebarkan jurang pembangunan dan jurang pendapatan antara negeri-negeri.

4. Kerajaan akan meneruskan kesinambungan agenda pembangunan wilayah yang seimbang dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11) dengan memastikan peruntukan pembangunan yang lebih saksama kepada negeri Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis supaya mencapai pembangunan yang lebih setara. Di bawah *Rolling Plan 4 (2020)* RMKe-11, negeri-negeri tersebut telah pun diperuntukkan sejumlah RM13.5 bilion atau 24.1% daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 2.6%, iaitu sebanyak RM345 juta berbanding tahun sebelumnya (RM13.2 bilion pada 2019). Peruntukan tersebut adalah bagi melaksanakan sebanyak 315 projek baharu dan 2,023 projek sambungan melalui pelbagai kementerian.

5. Selain itu, dalam Teras Strategik Keenam WKB, iaitu Keterangkuman Wilayah, fokus Kerajaan adalah supaya pembangunan ekonomi tidak lagi berpusat dari segi geografi dengan memastikan pengagihan pembangunan kepada semua negeri di Malaysia secara saksama. Melalui Prinsip Panduan Keempat WKB, iaitu Ekonomi

## **SOALAN NO : 18**

Teragih, pengagihan ekonomi akan dilaksanakan melangkaui sempadan geografi agar pertumbuhan teragih secara lebih adil (*distributive justice*) dan menyeluruh dapat dirasai merentasi wilayah dan negeri. Pengurusan ekonomi yang teragih dan adil turut akan dilaksanakan dengan memperkuat logistik dan fasilitasi perdagangan, meningkatkan kebolehcapaian internet, menambah baik infrastruktur awam meliputi jaringan jalan raya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

6. Kerajaan akan mengenalpasti sektor-sektor yang mempunyai potensi untuk berkembang dengan pesat bagi memacu pembangunan ekonomi masa hadapan negara. Bagi tujuan tersebut, sebanyak 15 Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA), antaranya meliputi Hub Kewangan Islam, Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) akan menjadi keutamaan dan penekanan baharu
7. Industri sedia ada akan terus diperkuat dengan (i) mempelbagaikan aktiviti dan memperluaskan kawasan bagi memastikan sektor komoditi, pertanian dan pembinaan terus berkembang merentasi wilayah dan negeri; (ii) mempertingkatkan peranan syarikat milik kerajaan (SOE) dalam pelaburan dan sebagai peneraju inisiatif KEGA, sekali gus mengurangkan penglibatan SOE yang memberi persaingan kepada syarikat PKS dan perniagaan tempatan yang lain; dan (iii) memperkuat penglibatan sektor swasta dalam pembangunan industri di Malaysia.
8. Kerajaan percaya bahawa usaha Kerajaan dalam memperluaskan aktiviti ekonomi bernilai tinggi merentas wilayah dan negeri akan meningkatkan penciptaan pekerjaan bernilai tinggi dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan pendapatan penduduk dan pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.